# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Tiga pemancing disyaki tumpahkan diesel ke sungai** |
| **MUKA SURAT** | **8** |

# Tiga pemancing disyaki tumpahkan diesel ke sungai

**Kuala Selangor:** Tiga individu yang memancing di pontun milik Two B Machineries, kontraktor Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), dipercayai menjadi punca pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin, berkata berdasarkan laporan polis yang dibuat KSSB malam tadi, terdapat tiga pemancing di kawasan pontun itu beberapa hari sebelum pencemaran berlaku.

Katanya, berdasarkan keterangan KSSB, kemungkinan pemancing berkenaan bertindak membuka klip dua tong minyak yang mengandungi lebih 100 liter diesel dan menumpahkannya ke dalam Sungai Selangor.

"Mungkin pemancing itu membuat sabotaj selepas diarahkan keluar dari kawasan terbabit.

"Pada mulanya, mereka tidak menghiraukan arahan untuk keluar kerana leka memancing, namun tetap keluar selepas diminta berbuat demikian," katanya pada sidang media di Loji Sungai Selangor Fasa 2 (SSP 2), di sini, semalam.

Bagaimanapun, Noor Azam berkata, perkara itu masih dalam siasatan sama ada pencemaran terbabit disebabkan tindakan sabotaj atau kecuaian, selain turut mengenal pasti tiga individu berkenaan.

Katanya, setakat ini pihaknya hanya mendapat maklumat bahawa suspek menaiki motosikal Honda EX5, tetapi tidak memperoleh nombor pendaftaran motosikal terbabit.

"Ramai pemancing yang selalu datang ke situ, namun kita tidak dapat sahkan individu mana yang melakukan tindakan berkenaan.

"Kawasan pontun itu terbuka mengikut laluan air dan kemungkinan banyak ikan di bawah pontun itu hingga ada yang memancing di situ," katanya.

Beliau berkata, siasatan menyeluruh berkenaan perkara itu akan dijalankan bersama pihak KSSB, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan. Sabit kesalahan boleh dikenakan penjara sehingga 30 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meminta polis menyiasat kemungkinan wujud elemen sabotaj dalam dua insiden pencemaran di muka sauk empat loji rawatan air (LRA) antara Jumaat lalu hingga kelmarin.

Pengerusinya, Charles Anthony Santiago, berkata dua insiden dalam tempoh tiga hari adalah amat membimbangkan dan pihaknya bersimpati dengan penderitaan rakyat Selangor akibat penutupan empat loji rawatan berikutan pencemaran itu.

"Kami berharap Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh menyiasat elemen sabotaj dalam kedua-dua insiden pencemaran ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Laporan polis dibuat oleh Pengarah Wilayah Tengah SPAN, Ir Jalalluddin Sulaiman, di Balai Polis Bestari Jaya, Kuala Selangor pada jam 10 pagi semalam.

Charles berkata, adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 121(1) Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) untuk mencemar atau menyebabkan supaya dicemarkan mana-mana alur air atau sistem bekalan air atau mana-mana bahagian alur air atau sistem bekalan air itu dengan apa-apa bahan, yang berkemungkinan akan membahayakan nyawa mana-mana orang.

"SPAN akan menggunakan akta sedia ada untuk mengambil tindakan tegas terhadap pelaku. SPAN juga berharap Kerajaan Selangor akan menamatkan konsesi kontraktor pasir sekiranya mereka didapati terbabit dalam insiden pencemaran ini," katanya.



*Berdasarkan keterangan KSSB, kemungkinan pemancing berkenaan bertindak membuka klip dua tong minyak yang mengandungi lebih 100 liter diesel dan menumpahkan ke dalam Sungai Selangor.*

***Noor Azam Jamaludin,***
*Ketua Polis Selangor*

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **SPAN minta polis siasat unsur sabotaj** |
| **MUKA SURAT** | **8** |

*Bekalan air terputus*



***Amirudin meninjau lokasi pontun** dipercayai tempat lebih 100 liter diesel ditumpahkan ke Sungai Selangor, semalam.* [Foto Ihsan Pejabat Menteri Besar Selangor]

# SPAN minta polis siasat unsur sabotaj

## 4 loji rawatan ditutup lagi akibat Sungai Selangor tercemar

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Norrasyidah Arshad, Haika Khazi, Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Sabotaj dipercayai punca pencemaran Sungai Selangor yang memaksa empat loji rawatan air (LRA) sekali lagi ditutup sementara kelmarin sehingga menyebabkan lebih 1.6 juta penduduk di lebih seribu kawasan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur terputus bekalan air bersih untuk kali kedua dalam tempoh tiga hari sejak Jumaat lalu.

Kemungkinan berlaku perbuatan khianat itu dinyatakan kerajaan Selangor semalam selepas Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) membuat laporan polis berhubung pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor kelmarin.

Semalam juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) membuat laporan meminta polis menyiasat kemungkinan wujud unsur sabotaj berhubung dua insiden pencemaran di muka sauk LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang di antara Jumaat dan Ahad lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata pencemaran minyak diesel dikesan KSSB memasuki aliran air Sungai Selangor dari sebuah pontun yang sudah tidak beroperasi sejak dua bulan lalu.

Katanya, dianggarkan sejumlah 100 liter minyak diesel dilepaskan ke dalam aliran Sungai Selangor yang kemudian dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di muka sauk LRA Rantau Panjang.

"Saya lihat tadi salur keluar itu tidak mungkin terkeluar akibat angin atau pun hujan, sebaliknya ia disebabkan oleh pergerakan mekanikal atau orang menariknya untuk mengeluarkan minyak berkenaan.

"Sebab itu kita tidak boleh nafikan atau tolak ada perbuatan sabotaj, kecuaian atau tindakan yang kurang wajar daripada sesetengah pihak," katanya pada sidang media di LRA SSP2, di sini, semalam.

Kelmarin, pencemaran minyak diesel dikesan di muka sauk LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 dan LRA Rantau Panjang memaksa LRA berkenaan dihenti tugas. Jumaat lalu, keempat-empat LRA berkenaan juga dihenti tugas berikutan pencemaran bau di Sungai Selangor.

Amirudin berkata, pencemaran minyak diesel memasuki aliran Sungai Selangor itu kelmarin menyebabkan Air Selangor terpaksa menghentikan operasi LRA bagi mengelakkan daripada air tercemar memasuki loji.

Katanya, kawalan pencemaran sudah selesai pada jam 3 pagi semalam dengan kerjasama kontraktor pengorekan pasir, KSSB dan LUAS dengan cara meletakkan penghadang minyak, sabun serta mengepamnya keluar dari kolam takungan hiliran.

Beliau berkata, kawasan yang terbabit dengan gangguan bekalan air juga membabitkan lokaliti sama dengan pencemaran pada 19 Julai lalu dan tempoh bekalan pulih sepenuhnya tidak dapat dipastikan.

"KSSB juga sudah membuat laporan polis mengenai kejadian ini manakala kerajaan negeri sudah meminta LUAS dan agensi berkaitan supaya semua pontun yang tidak beroperasi di sekitar Sungai Selangor dikeluarkan dari sungai selain tangki minyaknya dikosongkan kerana tidak mahu mengambil risiko," katanya.

Sementara itu, Bukit Aman menganggap dakwaan wujudnya elemen sabotaj terhadap bekalan air sehingga menjejaskan jutaan pengguna di Lembah Klang adalah perkara yang amat berat.

Justeru, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, mengarahkan siasatan dilakukan terhadap insiden pencemaran Sungai Selangor.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Pengguna muak, marah** |
| **MUKA SURAT** | **9** |

# Pengguna muak, marah

## Seminggu dua kali tiada air jejas aktiviti harian

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gangguan air tidak berjadual yang berlaku dua kali dalam tempoh tiga hari minggu lalu, menyebabkan ramai pengguna muak dan marah kerana terpaksa berdepan perkara sama.

Lebih menyakitkan hati, gangguan bekalan air itu berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab atau perbuatan khianat pihak tertentu, yang mencemari sumber air mentah Sungai Selangor dengan tumpahan diesel.

Tinjauan *BH* di beberapa lokasi mendapati kawasan perumahan, pasar raya dan klinik antara yang terjejas, sepanjang gangguan bekalan sejak Jumaat lalu.

Penduduk di Taman Dagang di sini, terpaksa mendapatkan bekalan air bersih dari pili awam dan Pusat Khidmat Setempat (PKS) berhampiran.

Suri rumah, Anisah Dikon, 51, yang tinggal di sebuah flet bersama keluarganya berkata, gangguan bekalan air itu amat menyusahkan penduduk sepertinya, lebih-lebih lagi yang menetap di bangunan kediaman tanpa kemudahan lif.

"Saya tinggal di tingkat empat dan terpaksa turun naik tangga berulang kali, bagi mengambil bekalan air.

"Ketiadaan bekalan air turut membuatkan anak tidak dapat ke sekolah, susah kami nak uruskan kehidupan seharian," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pesara, Yaacob Hussein, 65, turut kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab, yang mencemari sumber bekalan air mentah di Sungai Selangor.

"Tindakan seperti itu menganiaya orang ramai. Bayangkan jika kita sebagai pengguna menggunakan air yang tercemar, apa kesannya kelak?

"Kita lihat ada pihak yang tidak mahu belajar daripada kesilapan, walaupun banyak isu pencemaran berlaku sejak kebelakangan ini.

"Masalah gangguan air ini menjejaskan banyak keluarga dan kita mahu tahu sampai bila perkara ini akan berlarutan," katanya.

Tukang jahit, Lee Bee Chia, 52, yang menetap di Pandan Jaya, pula terpaksa berulang ke PKS berdekatan kedainya untuk mendapatkan bekalan air.

"Keadaan ini amat menyusahkan. Semalam (kelmarin) sudah elok ada air, hari ini (semalam) kembali tiada bekalan.

"Notis yang diterima memaklumkan gangguan sepatutnya esok (hari ini) tetapi ditunda. Ini membuatkan kami bingung dan susah membuat persiapan," katanya.

Pengurus pasar raya, Riduwan Shah Razali, 38, berkata ketiadaan air menyebabkan orang ramai tidak datang membeli barang.

"Apabila tiada air, orang ramai tidak memasak, sekali gus jualan barang basah merosot dan terbiar hingga rosak.

"Di kawasan Waterfront Ampang ini sudah empat hari tiada air, malah bekalan ais kami terpaksa ditempah dari tempat lain," katanya.

Peniaga makanan, Mohd Fazli Ramlan, 38, berkata beliau memerlukan sekurang-kurangnya 90 liter air sehari untuk berniaga dan ketiadaan bekalan yang dihadapi, menyukarkan urusan harian.

"Selain bekalan untuk perniagaan, saya perlu sediakan air bagi kegunaan keluarga di rumah," katanya.

Sebelum ini, empat Loji Rawatan Air (LRA) ditutup semula selepas Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), mengesan diesel mencemari sumber air mentah Sungai Selangor.

Bagaimanapun, ia dilaporkan kembali beroperasi jam 3.30 pagi semalam, tetapi masih ada kawasan mengalami gangguan bekalan air.



*Saya tinggal di tingkat empat dan terpaksa turun naik tangga berulang kali, bagi mengambil bekalan air.*

*Anisah Dikon,*
*Suri rumah*

**Henti tugas loji rawatan air**

| Wilayah terjejas | Jumlah kawasan | Akaun terjejas | Sasaran pulih |
|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 292 | 117, 837 | 26 Julai (6 petang) |
| Petaling | 280 | 414, 955 | 27 Julai (9 pagi) |
| Klang/Shah Alam | 215 | 416, 996 | 26 Julai (6 petang) |
| Kuala Selangor | 203 | 64, 558 | 24 Julai (6 petang) |
| Hulu Selangor | 17 | 12, 175 | 24 Julai ( 6 petang) |
| Gombak | 207 | 155, 850 | 25 Julai (6 petang) |
| Kuala Langat | 8 | 9, 571 | 27 Julai (9 pagi) |
| **Jumlah** | **1,222** | **1, 191, 942** | |

Sumber: Bekalan Air Selangor Sdn Bhd

GrafikBH

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **PBT digesa tutup kilang haram dekat Sungai Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **9** |

## PBT digesa tutup kilang haram dekat Sungai Selangor

**Kuala Lumpur:** Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu mengenal pasti dan menutup semua kilang haram berhampiran Sungai Selangor, bagi mengurangkan risiko masalah pencemaran bekalan air daripada berulang pada masa depan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piapakaran, berkata tindakan drastik itu perlu diambil selepas lebih 1.6 juta pengguna dan penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur, terpaksa berdepan gangguan bekalan air bersih selepas empat loji rawatan air (LRA) di Sungai Selangor ditutup akibat pencemaran pada Jumaat dan Ahad lalu.

"Kita kena tengok mungkin ada kilang haram yang menyebabkan pencemaran, maka PBT, kerajaan negeri dan JAS boleh mengarahkan supaya ditutup serta merta.

"JAS, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan PBT juga perlu membuat bancian dan mengenal pasti berapa banyak kilang sah di Selangor, yang berisiko menyebabkan pencemaran sungai atau sumber bekalan air mentah," katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Piapakaran berkata, kerajaan negeri, PBT dan JAS juga wajar memindahkan atau menempatkan semula kilang atau tapak industri berisiko berhampiran sungai ke lokasi lain, yang lebih selamat dan jauh dari sumber bekalan air mentah.

Bagaimanapun, Piapakaran berkata, proses penempatan semula itu boleh dilakukan secara berperingkat selepas kajian terperinci dan tapak sesuai dikenal pasti oleh JAS bersama agensi lain, termasuk PBT dan LUAS.

"Kita tidak mahu kilang haram atau berisiko yang menjadi penyebab pencemaran sungai, di kawasan berhampiran sumber air mentah LRA," katanya.

Piapakaran juga menyambut baik tindakan pihak berkenaan membuat laporan polis, berikutan wujud dakwaan terdapat unsur sabotaj dan khianat dalam kes pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor, minggu lalu.

Katanya, kerajaan negeri, PBT dan kementerian berkenaan wajar membuat laporan polis, kerana tindakan mensabotaj sumber bekalan air adalah satu kesalahan jenayah.

"Sebelum siasatan rapi dijalankan, saya berharap semua pihak berhenti memberi kenyataan yang menimbulkan keresahan orang ramai atau mungkin tidak tepat," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| AKHBAR | BERITA HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Selangor ke arah negeri pintar ASEAN 2025 |
| MUKA SURAT | 17 |

# Selangor ke arah negeri pintar ASEAN 2025




## Forum bincang jadikan negeri terunggul dalam pelbagai bidang

**Selangor** kini dalam usaha mempersiapkan negeri itu untuk muncul sebagai kuasa ekonomi serantau bagi mencapai visi menjadi negeri pintar di rantau ASEAN menjelang 2025.

Sebagai negeri paling maju di Malaysia, Selangor menyumbang hampir satu per empat daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Negeri ini juga menjadi pintu masuk ke Malaysia melalui Pelabuhan Klang, iaitu pelabuhan ke-12 tersibuk di dunia dan ke-2 di Asia Tenggara manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah lapangan terbang ke-12 tersibuk di Asia dan ke-3 di Asia Tenggara.

Selangor turut dilengkapi bandar siber, iaitu Cyberjaya dan Multimedia Super Corridor (MSC).

Dalam menuju Visi 2025 sebagai negeri pintar, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) mewujudkan pelan kerjasama serantau dan penyebaran maklumat melalui penganjuran siri forum perniagaan yang kini memasuki sidang kemuncak.

Forum bertajuk, 'Selangor: Regional Powerhouse', diadakan pada 23 Julai menyediakan ruang dan peluang serta potensi usahasama untuk perniagaan di Selangor.

Forum ini mengumpulkan pengamal dan ahli industri teknologi, pemacu ekonomi, gergasi industri tempatan dan asing untuk menjadi sebahagian daripada usaha Selangor mencapai Visi 2025.

Usaha ini dipacu oleh Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dengan misi untuk mempertingkatkan kedudukan Selangor ke arah menjadi kuasa besar serantau.

"Dunia berubah pada kadar luar biasa. Jika kita tidak bersedia, kita akan ketinggalan. Inilah pentingnya kita meramal apa saja perkembangan mahupun rintangan yang berlaku dan merancang bagaimana untuk memanfaati atau mengatasinya.

"Semuanya bermula di Selangor: Regional Powerhouse, yang menemukan minda hebat untuk membincangkan jalan terbaik menjadikan Selangor sebagai negeri terunggul dalam pelbagai bidang penting dan bagaimana usaha mengekalkan momentum ini," katanya yang menjawat jawatan Menteri Besar sejak setahun lalu.

Antara yang menyertai sidang kemuncak itu, termasuk Pengerusi Westports Holdings Bhdm, Tan Sri Gnanalingam, Ketua Pegawai Eksekutif Sapura Energy, Tan Sri Datuk Seri Shahril Shamsuddin, Ketua Pegawai Operasi Zalora Group Malaysia, Rostin Javadi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Malaysia, Stuart Milne.

Mereka akan mengambil bahagian dalam sesi pleno bersama Amirudin.

Bagi ahli panel, forum ini adalah peluang bagi mereka memperoleh dan memberikan perkongsian maklumat berharga ke arah pembangunan Selangor.

Pengarah Urusan BSL Eco Energy, Lim Chi Haur yang akan menjadi ahli panel bagi sesi perbincangan pertama dengan tajuk 'Bandar Pintar bagi Kehidupan Mampan' menyatakan, keterujaan untuk menyertai ahli panel lain dari Nokia, URBANICE Malaysia dan Smart Selangor Delivery Unit bagi berkongsi pandangannya semasa sesi pertama.

Melalui syarikatnya yang memberi tumpuan membina lebih banyak loji janakuasa solar dengan tujuan membantu menyediakan lebih banyak sumber tenaga lestari.

Beliau turut memuji keputusan Kerajaan Selangor memberi tumpuan kepada pembangunan bandar pintar dan mampan untuk menjadi negeri pintar terkemuka di rantau ASEAN.

> *Semuanya bermula di Selangor: Regional Powerhouse, yang menemukan minda hebat untuk membincangkan jalan terbaik menjadikan Selangor sebagai negeri terunggul dalam pelbagai bidang.*
>
> ***Amirudin Shari,***
> *Menteri Besar Selangor*

"Melainkan kita mengamalkan cara hidup yang lebih mampan, dunia mungkin akan kehabisan sumber semula jadi. Jadi, dengan menggunakan tenaga boleh diperbaharui seperti kuasa solar, kita boleh mengurangkan penggunaan bahan api fosil dan mengurangkan jejak karbon kita," katanya.

Bagi sesi kedua, Pengarah Urusan Strand Aerospace, Naguib Mohd Nor, akan menyertai ahli panel dari Invest Selangor, General Electric Malaysia, BAE dan Malaysia Airports untuk perkongsian idea serta rancangan mengatasi cabaran yang mungkin timbul dalam usaha menjadikan Selangor sebagai Hab Penerbangan di rantau ASEAN. Sesi ini juga akan menampilkan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran.

Naguib berpendapat: "Selangor: Regional Powerhouse' akan menjadi satu siri penting untuk Selangor mengeksport idea di seluruh kawasan ASEAN.

"Selangor wajar berada dalam kedudukan sekarang dan dengan kepimpinan Menteri Besar kita akan mampu mencapai matlamat ini dalam jangka masa yang baik."

Pengarah Urusan UROS Asia Selatan dan Timur Tengah, Kumar Subramaniam berkata, forum yang berlangsung ini acara penting bagi rantau ini, yang bercita-cita hendak menjadi pemain utama di arena global sebagai destinasi baharu bagi inovasi dalam teknologi masa depan. UROS adalah sebuah syarikat perolehan bilion euro dari Finland.

"Teknologi baharu seperti *Artificial Intelligence*, Pengkomputeran Kuantum, dan IoT adalah sebahagian daripada kehidupan seharian kita sekarang. Oleh itu, saya teruja untuk mendengar, serta memahami visi Menteri Besar Selangor," katanya.

Sebagai panel dalam sesi plenari ke-3, forum itu, beliau akan menyertai tetamu lain dari Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, TransSys Solutions UAE, Pusat Nanotechnolgi London, IBM Malaysia dan SMARTSEL Sdn Bhd.

Sebagai sebahagian daripada usaha mencapai Visi 2025, MBI Selangor mewujudkan satu pelan kerjasama serantau dan penyebaran maklumat melalui 'Selangor: Regional Powerhouse.'

### SELANGOR: REGIONAL POWERHOUSE

**UCAP UTAMA**
» Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari

**SESI PLENARI**
» Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Stuart Milne
» Ketua Pegawai Operasi Zalora, Roslin Javadi
» Pengerusi Westports Holdings Bhd, Tan Sri Gnanalingam
» Ketua Pegawai Eksekutif Sapura Energy, Tan Sri Datuk Seri Shahril Shamsuddin

**BANDAR PINTAR BAGI KEHIDUPAN MAPAN**
» Pengarah Urusan BSL Eco Energy, Lim Chi Haur
» Pengarah Urusan Nokia Malaysia, Datuk Sivanthan Shanmugam
» Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery Unit, Dr Fahmi Ngah
» Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Siemens Malaysia, Indranil Lahiri
» Ketua Pegawai Eksekutif URBANICE Malaysia, Norliza Hashim

**SELANGOR SEBAGAI HAB PENERBANGAN RANTAU ASEAN**
» Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran
» Pengarah Urusan Strand Aerospace, Naguib Mohd Nor
» Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Datuk Hasan Azhari
» Ketua Pegawai Eksekutif General Electric Malaysia, Datuk Mark Rozario
» Pengurus Besar Pembangunan Tanah, Malaysia Airport, Randhill Singh
» Pengarah Kumpulan Pembangunan Perniagaan, Malaysia BAE Systems, Ali Ahmad

**SELANGOR HAB TEKNOLOGI MASA DEPAN**
» Pengarah Urusan UROS Asia Selatan dan Timur Tengah, Kumar Subramanian
» Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia, Datuk Norhalim Yunus,
» Ketua Pelaburan, Pusat Nanotechnolgi London, Prof Richard Jackman
» Pengarah Eksekutif TransSys Solutions UAE, Prabu Balasubramaniam,
» Ketua Pegawai Eksekutif IBM Malaysia, Catherine Lian
» Pengarah Urusan SMARTSEL Sdn Bhd, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir - Moderator

Grafik

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Polis cari tiga pemancing** |
| **MUKA SURAT** | **6** |



# Polis cari tiga pemancing

**KUALA SELANGOR 22 Julai** - Polis sedang mengesan tiga pemancing berhubung pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor sehingga berlakunya gangguan bekalan air.

Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin berkata, ketiga- tiga individu terbabit dikesan berdasarkan laporan polis yang dibuat Syarikat Two-B Machineries Sdn. bhd. semalam di Balai Polis Bestari Jaya dekat sini mengatakan pontoon di kawasan pengorekan pasir disabotaj.

Menurut Noor Azam, berdasarkan laporan polis yang dibuat pekerja syarikat berkenaan, pihak mereka telah terserempak dengan tiga pemancing dan telah mengarahkan supaya keluar, namun enggan berbuat demikian.

"Namun, setelah diarahkan sekali lagi oleh pekerja pontoon tersebut, mereka telah keluar tetapi dipercayai telah melakukan sabotaj dengan mencabut klip pada dua tong di 'pontoon' berkenaan yang mengakibatkan minyak diesel kira-kira 100 liter tumpah.

"Kita sedang menyiasat perkara tersebut bersama dengan Air Selangor bagi mengetahui sama ada ia disabotaj atau berpunca daripada kecuaian. Berdasarkan pemantauan kita, kawasan sekeliling tidak berpagar dan ia kawasan aliran sungai," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Dalam pada itu, Noor Azam menjelaskan, pihaknya kini sedang mengesan ketiga-tiga individu terbabit termasuk motosikal dinaiki kesemua pemancing tersebut.

"Setakat ini antara maklumat diterima ialah mereka menunggang motosikal jenis Honda EX5.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu pengkhianatan dengan merosakkan kerja-kerja pengairan atau secara salah menyimpang aliran air," ujarnya.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Hentikan aktiviti di sungai** |
| **MUKA SURAT** | **6** |

## Hentikan aktiviti di sungai

**KUALA LUMPUR 22 Julai** - Kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memberhentikan segala aktiviti ekonomi di sekitar kawasan sungai.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, langkah itu perlu terutamanya di bahagian hulu sungai yang merupakan sumber air bagi aktiviti harian pengguna termasuk memasak dan air minuman.

Kata beliau, langkah itu bagi mengelakkan insiden pencemaran daripada berulang hingga membebankan orang ramai.

"SPAN telah membuat laporan polis pukul 10 pagi ini terhadap dua insiden yang berlaku baru-baru ini.

"Kami berharap pihak polis boleh menyiasat elemen sabotaj dalam kedua-dua insiden pencemaran ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) dan ahli Kumpulan Air Selangor masih dalam proses meningkat dan menstabilkan paras kolam termasuk tekanan di sistem agihan air.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Abdul Raof Ahmad berkata, proses pemulihan air dibuat secara berperingkat-peringkat.

Kata beliau, pihaknya memohon kerjasama pelanggan untuk mendapatkan bantuan di Pusat Khidmat Setempat (PKS) dan pili-pili awam bagi mengelakkan kelewatan penghantaran bantuan lori tangki air.

Dalam pada itu, Pengurus Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), Abdul Wahab Nordin dalam kenyataan berkata, Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) syarikat itu telah dikerahkan ke tapak kejadian bagi mengawal keadaan susulan tumpahan minyak diesel di kawasan Sungai Selangor berhampiran Kolam Hang Tuah dikesan berlaku petang semalam.

"Kami sedang menyiasat punca insiden daripada semua sudut termasuk kemungkinan berlakunya khianat serta sabotaj. Segala maklumat tambahan akan disalurkan dari semasa ke semasa," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Angkara khianat?** |
| **MUKA SURAT** | **6** |

Pencemaran minyak diesel dalam Sungai Selangor

## Angkara khianat?

**Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

**KUALA SELANGOR 22 JULAI**

SUNGAI Selangor yang tercemar akibat pencemaran minyak diesel sehingga menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan dipercayai berpunca daripada perbuatan khianat.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pihaknya mendapati kewujudan minyak diesel itu adalah berpunca daripada tong minyak yang terdapat di pontoon yang tidak beroperasi sejak dua bulan lalu.

Menurut Amirudin, pontoon itu dikendalikan oleh sebuah syarikat yang mendapat lesen daripada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan hasil pemantauan pihaknya mendapati 100 liter minyak diesel dikesan dalam Sungai Selangor oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2.

"Minyak sebenarnya tidak dibenarkan ditinggalkan di pontoon. Namun, kita serahkan semua ini kepada polis untuk menyiasat bagi mencari punca.

"Bagaimanapun, kita tidak menolak ia adalah sabotaj, tidak bertanggungjawab dan mungkin kecuaian daripada sesetengah pihak," katanya dalam sidang akhbar di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Shuhaimi Kamarulzaman.

Terdahulu, kejadian pencemaran minyak diesel dikesan di Sungai Selangor yang terletak kira-kira enam kilometer dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 pada pukul 6 petang semalam yang mengakibatkan beberapa kawasan mengalami gangguan bekalan air.

Sementara itu, Amirudin menjelaskan, pihaknya kini mengarahkan semua pontoon pengorekan dan penyedutan pasir yang tidak lagi beroperasi dikeluarkan terutama di sekitar Sungai Selangor.

Jelasnya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan badan penguatkuasa negeri melaksanakannya agar tidak menanggung lagi risiko pada masa hadapan.

"Kita tidak mahu pontoon ini dibiarkan begitu sahaja di tengah sungai sehingga yang akan mengakibatkan pengaliran minyak dan sebagainya yang akan memberi kesan pada masa akan datang.

"Pontoon ini mungkin tidak digunakan selepas pasir tiada atau telah sampai had pengorekan dan penyedutan pasir di kawasan tersebut. Kita menjangkakan agihan bekalan air akan bermula pukul 6 pagi hingga 6 petang esok selepas kolam takungan penuh," katanya.



**AMIRUDIN SHARI (kanan) meninjau kerja-kerja pemulihan bekalan air di kolam takungan hiliran Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya, Kuala Selangor, semalam. – UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI**

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Ada unsur sabotaj-Xavier** |
| **MUKA SURAT** | **6** |

# Ada unsur sabotaj – Xavier

**KUALA LUMPUR 22 Julai** - Elemen sabotaj telah dikenal pasti oleh pihak polis berhubung pencemaran di Sungai Selangor yang mengakibatkan penutupan empat loji rawatan air (LRA) sehingga menjejaskan penduduk Selangor.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar menerusi akaun Twitter beliau hari ini.

"Saya telah dimaklumkan bahawa elemen sabotaj memang telah dikenal pasti oleh pihak polis melalui siasatan mereka," katanya dalam akaun media sosialnya itu hari ini.

Sementara itu di **SEREMBAN**, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang jika benar ada pihak didapati melakukan sabotaj ke atas Sungai Selangor.

Pengarah Unit Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Pengguna SPAN, Mohd. Fazil Ismail berkata, pihaknya kecewa dengan pencemaran yang berlaku ke atas sungai itu kerana menyusahkan penduduk negeri tersebut.

"Bagaimanapun bekalan air di Selangor berada dalam keadaan terkawal. Terdapat 13 lori tangki membantu membekalkan air bersih di Selangor berikutan pencemaran bau yang berlaku di Sungai Selangor.

"Kami menjangkakan lori tangki itu akan memberi bekalan sehingga 24 Julai ini selepas loji air di Selangor pulih sepenuhnya, namun ia bergantung kepada situasi semasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyertai serbuan kes curi air di Kampung Jimah, Bandar Baru Sri Sendayan dekat sini hari ini.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Krisis tidak berkesudahan** |
| **MUKA SURAT** | **47** |



# Krisis tidak berkesudahan

Oleh ABD. HALIM HADI
utusankota@gmail.com

■ KUALA LUMPUR 22 JULAI

JIKA ada satu perkara yang paling 'menyemakkan' penduduk di Selangor dan Lembah Klang, ia tidak lain tidak bukan adalah masalah gangguan bekalan air.

Bahkan ada yang sanggup melupakan hasrat untuk membina kehidupan di ibu kota apabila mengenangkan isu yang tidak berkesudahan itu.

Walaupun tidak berlaku setiap minggu atau bulan, kekerapan gangguan di dua-dua negeri itu jauh lebih tinggi berbanding negeri lain sehingga mencetuskan banyak persoalan.

Ia mungkin tidak begitu membebankan bagi mereka yang tinggal di rumah teres atau banglo kerana mempunyai tangki air sendiri.

Namun bagi penduduk yang tinggal di kediaman bertingkat seperti flat dan kondominium, satu hari tanpa air sudah cukup memeritkan.

Apatah lagi yang mempunyai anak kecil, orang kurang upaya dan warga emas. Bayangkan pula ibu-ibu separuh usia yang terpaksa 'membilang anak tangga' setiap pagi untuk mengusung air.

Ya, sekali setahun mungkin masih boleh diterima tapi untuk tahun ini sahaja sekurang-kurangnya dua gangguan bekalan air berskala besar (Mac dan Jun) telah berlaku dan menjejaskan jutaan penduduk.

Terbaharu, lebih sejuta terputus bekalan ekoran pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor sejak Jumaat lalu. Jika dikira, gangguan tidak berjadual kali ini adalah kali kedua dalam tempoh kurang sebulan dan ketiga dalam tahun ini.

Cumanya berbeza dengan tahun terdahulu, penyebaran maklumat mengenai masalah dilihat diurus semakin cekap oleh agensi yang berkenaan. Namun sejauh mana pun kecekapan khidmat pelanggan dipamerkan, pengguna pada pengakhirannya hanya mahukan air.

Realitinya juga, ramai yang 'sangsi' terhadap kemampuan pihak berkenaan menguruskan krisis. Dengan mengemukakan pelbagai punca dan alasan mungkin dapat mententeramkan orang ramai seketika, namun sampai bila. Penyelesaian yang efektif adalah jawapannya.

Justeru sampai masanya kerajaan 'menekan' pihak pengurusan air supaya segera menyelesaikan masalah-masalah yang sudah berulang sejak berpuluh tahun lamanya.

**REAKSI**

"MASALAH air di Selayang bukan sahaja bila ada pencemaran sungai tetapi hampir setiap hari berlaku gangguan bekalan air. Saya mohon pihak kerajaan mengambil tindakan terbaik untuk memastikan penduduk tidak terbeban dengan masalah ini"

**MOHAMAD NAZRIN FAIZ CHE ABD. AZIZ**
**Penduduk Selayang Baru**

"SAYA harap ada tindakan tegas daripada kerajaan dalam memastikan isu air tidak lagi berlaku. Ini kerana gangguan bekalan air hanya kerap berlaku pada penduduk yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, perumahan bertingkat dan teres"

**MOHD. AMIRUL ALI**
**Penduduk Gombak**

"PENDUDUK cukup terbeban setiap kali gangguan bekalan air. Kerajaan perlu mengkaji semula langkah terbaik bagi menangani isu pencemaran loji agar tidak berulang."

**MOHAMMED SYAKIR HUSSIN**
**Penduduk Kampung Cheras Baru**

PENGAGIHAN bekalan air bantuan antara isu ketidakcekapan pihak berkuasa dalam menangani krisis air pada setiap tahun.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Penduduk mula hilang sabar** |
| **MUKA SURAT** | **47** |




**SATU langkah drastik perlu dilakukan dalam pengurusan bekalan air bersih di Selangor bagi menangani masalah bekalan terputus.**

## Penduduk mula hilang sabar


**Oleh NUR IZZATI IZZAH NADZI**
utusankota@gmail.com


**KUALA LUMPUR 22 Julai** – Orang ramai yang ditemui *Utusan Malaysia* hari ini mempertikaikan kebolehan Air Selangor dan pihak berkuasa yang berkaitan dalam pengurusan bekalan air ekoran insiden demi insiden pencemaran yang berlaku.

Peniaga yang mahu dikenali Masirah, 42, mempersoalkan tindakan pihak berkuasa yang tidak cukup 'kritikal' atau culas dalam memastikan setiap loji rawatan bebas pencemaran.

"Bagaimana isu pencemaran loji ini boleh menjadi trend sepanjang tahun?. Daripada satu sungai ke satu sungai. Adakah pengurusan Air Selangor sendiri lemah dalam menangani krisis ini?

"Sampai bila kami nak hadap isu air ini? Nak berniaga pun susah. Kami hilang sumber pendapatan setiap kali bekalan air terputus berhari-hari. Mereka boleh suruh sabar tapi mereka tidak lalui beban orang macam kami," katanya.

Masirah berkata, satu penyelesaian atau mekanisme sepatutnya dilaksana untuk memastikan pencemaran sungai tidak berlaku.

"Kami orang biasa tak faham istilah loji itu dan loji ini, tapi kami tahu sungai ada banyak bahan asing. Itu semua mereka yang perlu uruskan," katanya.

Kakitangan swasta, Mohd. Amirul Ali, 25, berkata, gangguan bekalan air menjadi semakin memeritkan apabila bantuan bekalan air yang diagihkan tidak mencukupi dan tidak mampu menampung keperluan orang ramai.

"Nak mengangkut air ke rumah sudah satu hal. Kemudian di tempat agihan nak beratur lagi. Memang perit," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Authorities suspect sabotage** |
| **MUKA SURAT** | **2** |

# Authorities suspect sabotage

## Water contamination caused by diesel spilled from oil drums

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

**BESTARI JAYA:** One of Selangor's biggest bane is the regular water crisis it faces in spite of being Malaysia's most developed state.

Only last week, the state's Sungai Selangor Phases 1, 2 and 3 and Rantau Panjang water treatment plants were shut down due to contamination caused by odour pollution.

The incident caused water cuts to more than a million consumers.

Just when everything was returning to normal, Selangor faced another water crisis caused by another bout of contamination, resulting in further closure of the water treatment plants.

However, all the affected water treatment plants were back in operation at press time yesterday.

Selangor Mentri Besar Amirudin Shari, who visited the Sungai Selangor Phase 2 water treatment plant here yesterday, told reporters after inspecting the place that there was a possibility the second incident was due to foul play if it was not due to negligence.

He said a fuel tank outlet on a sand dredging pontoon was found open, resulting in fuel flowing into the river.

Amirudin added the mishap occurred about 6km away from the Sungai Selangor Phase 2 water treatment plant here on Sunday evening.

"The pontoon has been at the location since 2013 but had not been operational the past two months," said Amirudin.

"I have asked for all pontoons that are no longer in use be removed from the river to prevent further risks," he added.

Amirudin also said that KSSB must relook its standard operating procedure and disallow pontoons that are no longer in operation to remain on the river and forbid fuel to be stored on those that are functioning.

Some 100 litres of diesel made its way into Sungai Selangor due to the incident.

He said Selangor's sand mining concessionaire Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) lodged a police report that foul play may have been involved.



**Oil leak:** Aimirudin (second from right) checking the pontoon believed to be the source of the water contamination.

> "We are investigating whether the contamination is due to carelessness or an act of sabotage."
>
> **Comm Datuk Noor Azam Jamaludin**

According to Amirudin, the Selangor Water Management Authority (Luas) and KSSB had started cleaning up the spill from 7pm to midnight on Sunday by sprinkling soap on the affected river surface, placing oil pads to absorb the oil as well as flushing the contaminated stretch with water.

Oil booms were also fixed around the pontoon and surrounding area.

Amirudin said most of the contamination had been countered by 3am yesterday and the situation is expected to return to normal soon.

"We are now waiting for our reservoirs to be filled with water by 6am (today).

"So from 6am to 6pm (today), about 30% of the disrupted water supply is expected to be restored," said Amirudin.

He added the second incident occurred after almost 97% of clean-up and restoration work hàd been completed after the July 19 contamination incident.

Meanwhile, Selangor police chief Comm Datuk Noor Azam Jamaludin said at the same press conference that a police report was lodged on Sunday by the company that owned the pontoon.

"Our investigations found two oil drums (on the pontoon) with its outlets open that resulted in 100 litres of diesel flowing into the river," he added.

Comm Noor Azam also said workers at the site told police that three anglers were spotted fishing from the pontoon just before the incident occurred.

He added the anglers initially refused to leave when told to do so and the workers believe they opened the fuel outlets to release the oil into the river before leaving.

"We are investigating whether the contamination is due to carelessness or an act of sabotage," said Comm Noor Azam.

The National Water Services Commission (SPAN) also lodged a police report yesterday at the Bestari Jaya police station over both incidents.

When contacted, SPAN chairman Charles Santiago said the company which owns the pontoon should be held responsible and made to pay for the clean-up.

"KSSB must also revoke the company's licence and it (the company) should be banned from sand mining activities for good," said Santiago.

He added the state government must also take this opportunity to clear all riverbank-based commercial entities and activities in order to prevent future incidents of contamination.

# KERATAN AKHBAR
# 23 JULAI 2019 (SELASA)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Water cut a rude shock for consumers** |
| **MUKA SURAT** | **2** |

## Water cuts a rude shock for consumers




**Long haul:** Taman Pandan Jaya flat residents collecting water from Syabas' water tanker due to the disruption of water supply in Ampang.

By FATIMAH ZAINAL
and NAZREEN IZAHAR
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Klang Valley residents are up in arms over water cuts – planned or otherwise – along with constant threats of dry taps over the years.

Housewife Mazlin Shariff, 52, took steps to prepare for the scheduled water cut today, but did not expect that there would be an unplanned water cut a day earlier.

